



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPk.SJK 100-13/5/1 (45)

Tarikh : 22 Februari 2019

Semua Ketua Sektor,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Semua Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak.

Semua Pengetua / Guru Besar,
Sekolah Menengah / Sekolah Rendah,
Negeri Perak.

Tuan,


**PERTANDINGAN GURU INOVATIF JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
TAHUN 2019**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Sektor Jaminan Kualiti dipertanggungjawabkan untuk mengelolakan Pertandingan Guru Inovatif Tahun 2019.
 3. Matlamat pertandingan ini adalah untuk memberi penghargaan kepada guru yang menghasilkan idea kreatif dan inovatif yang menarik dan berkesan dalam PdP bagi meningkatkan prestasi murid serta profesionalisme keguruan.
 4. Sehubungan dengan itu, mohon pihak tuan untuk mewar-warkan perkara ini kepada pegawai-pegawai pentadbiran tuan. Setiap penyertaan mestilah memenuhi syarat pertandingan mengikut kategori berikut :
- i. Kategori Individu Prasekolah
 - ii. Kategori Individu Sekolah Rendah
 - iii. Kategori Individu Sekolah Menengah/ Teknik/ Agama/ Kolej Vokasional
 - iv. Kategori Kumpulan
 - v. Kategori SISC+
 - vi. Kategori Akar Umbi
 - vii. Kategori Perkhidmatan



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



Ruj. Kami : JPNPk.SJK 100-13/5/1 (45)


5. Selain itu, borang pertandingan dan syarat-syarat boleh dimuat turun di portal jpnperak.moe.gov.my. Borang pencalonan hendaklah dihantar kepada **Pegawai Meja Inovasi PPD sebelum atau pada 22 Mac 2019**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, pihak tuan boleh menghubungi En. Razhari bin Ishak di talian 05 241 4000/ 012-372 2399.

Kerjasama tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(OSMAN BIN MOHAMED BAHARI, AMP.)
Ketua Sektor Jaminan Kualiti
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k : Pengarah Pendidikan Negeri Perak



PERTANDINGAN GURU INOVATIF 2019 JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

1. Matlamat

Melahirkan guru yang mampu menghasilkan inovasi dalam pelaksanaan kurikulum dan dapat meningkatkan profesionalisme keguruan.

2. Objektif

- 2.1 Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada guru yang menghasilkan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- 2.2 Menggalakkan guru mencipta atau menghasilkan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- 2.3 Menyediakan ruang dan peluang bagi guru menampilkan hasil inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- 2.4 Menyebarkan hasil inovasi guru untuk dimanfaatkan oleh para pendidik yang lain.

3. Maksud Guru Inovatif

- 3.1 Guru yang berinovatif dapat menghasilkan inovasi dari segi bahan, kaedah, strategi dan sebagainya untuk meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- 3.2 Guru boleh menghasilkan inovasi yang asli atau penambahbaikan terhadap sesuatu yang sedia ada yang meliputi aktiviti pembaharuan dan perubahan positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- 3.3 Guru yang boleh menghasilkan inovasi dalam konteks menterjemahkan kurikulum kebangsaan kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

4. Kategori Pertandingan

- 4.1 Individu Prasekolah
- 4.2 Individu Sekolah Rendah
- 4.3 Individu Sekolah Menengah/Teknik/Agama/Kolej Vokasional
- 4.4 Kumpulan
- 4.5 SISC+
- 4.6 Perkhidmatan
- 4.7 Akar Umbi

Maklumat Kategori Baru

Kriteria pemarkahan **Kategori Perkhidmatan** akan mengambil kira perkara berikut:

- Inovasi Perkhidmatan adalah hasil cetusan idea kreatif dan inovatif yang membawa perubahan dalam pelaksanaan kerja/tugasan, sistem, prosedur atau kaedah. Inovasi dapat memberi peningkatan yang ketara dari aspek kualiti, produktiviti atau pengurangan yang ketara dari aspek kos dan keperluan tenaga kerja;
 - Ciptaan sendiri oleh kakitangan tetap di Jabatan di mana rekacipta atau inovasi dihasilkan dan digunapakai;
 - Status tahap pelaksanaan produk inovasi dalam perkhidmatan telah digunapakai sepenuhnya;
 - Dapat memberikan impak di pelbagai peringkat seperti Unit/Bahagian, Organisasi atau secara menyeluruh;
 - Kos penyelenggaraan dan pengendalian yang minima serta menggunakan local content yang maksima;
 - Mesra pengguna dan alam sekitar;
 - Membantu dalam meningkatkan produktiviti kerja;
 - Mempunyai ciri keselamatan yang baik; dan
 - Mudah diadaptasikan dan digunapakai oleh Jabatan lain untuk kegunaan yang serupa/sama.
-

Kriteria pemarkahan **Kategori Akar Umbi** akan mengambil kira perkara berikut:

- Ketulenan idea;
- Kemampuan produk inovasi membantu dalam menyelesaikan masalah;
- Produk inovasi yang mempunyai nilai komersil dari aspek kos pembuatan dan potensi pasaran serta mempunyai kemampuan pemindahan teknologi;
- Produk inovasi telah ataupun mampu menjana peluang pekerjaan; dan
- Sumber dan jenis bahan dalam penghasilan dan penciptaan produk.

5. Syarat-syarat Pertandingan

- 5.1 Inovasi yang dihasilkan mestilah boleh meningkatkan kefahaman konsep melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bukan sebagai usaha memudahkan murid menjawab soalan peperiksaan.
- 5.2 Inovasi yang pernah memenangi tempat pertama, kedua atau ketiga dalam pertandingan ini atau pertandingan lain di peringkat kebangsaan atau antarabangsa tidak layak dicalonkan.
- 5.3 Inovasi yang sama dan pernah dicalonkan dalam pertandingan ini tidak layak bertanding.
- 5.4 Inovasi yang dicalonkan dalam pertandingan ini belum ada dalam pasaran.
- 5.5 Bagi penyertaan kategori kumpulan, bilangan ahli hendaklah antara 2-3 orang. Ahli kumpulan mesti dari sekolah yang sama.
- 5.6 Calon mestilah terdiri daripada guru sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan atau pegawai di PPD atau JPN Perak.
- 5.7 Inovasi yang dicalonkan mestilah melalui Pegawai Pendidikan Daerah atau Ketua Sektor.

6. Kaedah Penghakiman

- 6.1 **Pusingan 1** Penghakiman dibuat di Sektor Jaminan Kualiti Jabatan Pendidikan Negeri Perak untuk menilai dokumen dan bahan inovasi yang telah dihantar untuk disenarai pendek.
- 6.2 **Pusingan 2** Pameran dan pertandingan hasil inovasi bagi calon yang telah disenarai pendek.

7. Kriteria Pemilihan

- 7.1 Calon sekolah hendaklah menghantar bahan inovatif melalui Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing. Pejabat Pendidikan Daerah pula boleh mengemukakan beberapa calon bagi setiap kategori mewakili daerah masing-masing. Pihak urus setia (JPN) akan menilai kualiti hasil inovasi calon terlebih dahulu sebelum membuat pemantauan dan penilaian. Sekiranya hasil inovasi mencapai tahap yang dikehendaki oleh kriteria, pihak urus setia akan memberitahu tarikh pemantauan kepada calon yang disenarai pendek.

- 7.2 Inovasi yang dicalonkan perlu memenuhi perkara berikut :
- a) Kesesuaian idea (Kreativiti & Inovasi) – 30%
 - b) Kebolehlaksanaan inovasi (Bentuk Inovasi) – 25%
 - c) Kesan pengajaran guru – 15%
 - d) Kesan pembelajaran murid - 20%
 - e) Potensi inovasi untuk disebarluaskan (Kesan Pemangkin) – 10%
- 7.3 Calon perlu mengemukakan maklumat berikut bagi setiap kategori pertandingan :
- a) Maklumat calon (Lampiran A)
 - b) Pengesahan maklumat calon (Lampiran B)
 - c) Penerangan Inovasi (Lampiran C)
(Penerangan boleh disokong dengan gambar, kaset, carta, video atau persembahan secara grafik)
- *dalam bentuk *hardcopy***

8. Kaedah

- 8.1 Calon guru hendaklah menghantar bahan inovatif kepada PPD sebelum **22 Mac 2019** bersama-sama dengan maklumat **Lampiran A, Lampiran B** dan **Lampiran C** serta bahan-bahan sokongan yang lain.
- 8.1 PPD dikehendaki menghantar bahan inovatif calon sekolah yang mencapai tahap yang dikehendaki oleh kriteria kepada Urus Setia di JPN sebelum atau pada **1 April 2019**.
- 8.2 Sebarang pencalonan yang diterima selepas **1 April 2019** tidak akan dihakimi oleh panel hakim.
- 8.3 Keputusan panel adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

9. Bentuk Anugerah

Jawatankuasa Induk Anugerah Guru Inovatif Negeri Perak telah bersetuju untuk menganugerahkan hadiah-hadiah seperti berikut:

- 9.1 Sijil Penyertaan (semua penyertaan)
- 9.2 Plak (Anugerah Tertinggi)

10. Surat Menyurat dan Perhubungan

- 10.1 Segala urusan surat menyurat dan perhubungan mengenai anugerah ini hendaklah dibuat kepada:

Urus Setia Pertandingan Guru Inovatif 2019
Jabatan Pendidikan Negeri Perak,
Tingkat 14, Bangunan Mayban Trust,
Jalan Tun Sambanthan,
30000 Ipoh,
Perak.
(up: Sektor Jaminan Kualiti)
Tel: 05-241 4000
Fax: 05-242 0701

**PERTANDINGAN GURU INOVATIF 2019
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

MAKLUMAT CALON

Kategori Pertandingan (tandakan \checkmark dalam kotak berkaitan di bawah) :	
Individu Prasekolah <input type="checkbox"/>	Kumpulan <input type="checkbox"/>
Individu Rendah <input type="checkbox"/>	SISC+ <input type="checkbox"/>
Individu Menengah/Teknik/Agama / Kolej Vokesional <input type="checkbox"/>	Perkhidmatan <input type="checkbox"/>
	Akar Umbi <input type="checkbox"/>
<i>(Nota: Bagi penyertaan kumpulan, setiap ahli hendaklah mengisi borang secara berasingan dan nyatakan ketua kumpulan)</i>	
Nama Calon :	No. K.P :
	Jantina :
Alamat Sekolah / Pejabat :	
No.Telefon Sekolah :	
No. Telefon Bimbit :	
No.Faks :	
E-mel :	
Jawatan di Sekolah :	1 2 3
Kelulusan Akademik Tertinggi :	
Tahun / Institusi :	
Kelulusan Ikhtisas :	
Tahun / Institusi :	
Tajuk Inovasi :	

**PERTANDINGAN ANUGERAH GURU INOVATIF 2019
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

PENGESAHAN MAKLUMAT CALON

SALINAN KAD PENGENALAN GURU YANG DICALONKAN

Bahagian Hadapan
Kad pengenalan

Bahagian Belakang
Kad pengenalan

Saya mengaku bahawa salinan kad pengenalan yang dihantar (seperti ditunjukkan di atas) mengiringi penerangan inovasi yang dicalonkan oleh _____ (nama sekolah/PPD) adalah butiran kad pengenalan saya yang terkini,

Saya mengaku bahawa inovasi saya merupakan inovasi asli dan tidak diambil dari inovasi orang lain atau mana-mana sumber lain.

(Tandatangan Guru yang Bertanding)

(Tarikh)

Saya mengesahkan salinan kad pengenalan guru yang dicalonkan oleh
_____ untuk bertanding dalam Anugerah
Guru Inovatif di bawah kategori Individu Prasekolah/Individu Rendah/Individu
Menengah/ Agama/ Teknik/ Kolej Vokasional/Kumpulan/SISC+/Perkhidmatan/Akar
Umbi * (*Potong pilihan yang tidak berkenaan)

(Tandatangan dan Cop Ketua Jabatan@Pegawai Meja)

(Tarikh)

**PERTANDINGAN ANUGERAH GURU INOVATIF 2019
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

PENERANGAN INOVASI

Guru yang dicalonkan oleh sekolah / PPD / Jabatan untuk Pertandingan Guru Inovatif hendaklah menyediakan satu penulisan (*Hardcopy*) yang mengandungi perkara berikut:

1. Kategori Pertandingan
2. Tajuk Inovasi
3. Sinopsis Inovasi
4. Objektif Inovasi
5. Kumpulan Sasaran
6. Latar belakang (penjelasan tentang proses penghasilan inovasi mengikut kronologi)
7. Isu/Masalah yang ditangani oleh bahan inovasi
8. Huraian Inovasi
 - Bahan yang digunakan untuk menghasilkan inovasi
 - Cara inovasi digunakan (serta video PdP dan foto)
 - Kos bagi menghasilkan inovasi
 - Keberkesanan inovasi kepada pengajaran dan pembelajaran (sertakan bukti berasaskan data)
 - Potensi untuk disebar luaskan kepada pihak lain
 - Keterangan lain yang berkaitan